

PBB, ASEAN perlu tangani isu pemegang kad UNHCR

BH - 27/6/2020

Malaysia tak mampu lagi tampung lebih ramai pendatang Rohingya

Kuala Lumpur: Malaysia menuntut Suruhanjaya Tinggi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu bagi Pelarian (UNHCR) bekerjasama erat dengan ASEAN bagi mempercepatkan proses penempatan semula pemegang kad UNHCR ke negara ketiga, kata Tan Sri Muhyiddin Yassin.

Perdana Menteri menegaskan, limpahan krisis di wilayah Rakhine, terus memberi impak kepada rantau ini, menuntut ASEAN mencari penyelesaian berkesan terhadap krisis itu.

"Apa yang kita dilakukan dalam ASEAN untuk saling membantu dalam mencari jalan penyelesaian yang efektif untuk wilayah Rakhine?"

"ASEAN perlu melakukan lebih banyak untuk membantu Myanmar. Negara itu perlu lebih berusaha membantu diri bagi menyelesaikan krisis ini supaya pembangunan dapat dilaksanakan dengan lebih bermakna," katanya.

Muhyiddin berkata demikian kepada Sidang Kemuncak ASEAN ke-36 yang buat julung kali diadakan secara maya semalam, ekoran pandemik COVID-19. Vietnam menjadi tuan rumah sidang tersebut.

Perdana Menteri menegaskan yang Malaysia tidak lagi dapat menampung lebih ramai penda-

tang dari wilayah itu kerana sumber dan kapasiti sudah mencapai hadnya, ditambah dengan pandemik COVID-19.

Sebelum ini, Kementerian Dalam Negeri (KDN) mendedahkan, sehingga Mac lalu, seramai 179,521 pemegang kad UNHCR berada di Malaysia dan daripada jumlah itu, 56.6 peratus atau 101,584 orang adalah etnik Rohingya.

Malah sejak 1 Mei lalu, sekurang-kurangnya 27 kapal yang membawa pendatang tanpa izin (PATI) dikesan menyeberang lautan dan cuba menyeludup warga asing masuk ke Malaysia tetapi berhasil dihalang pihak berkuasa.

Justeru, Muhyiddin menegaskan adalah tidak adil jika Malaysia diharap untuk terus melakukan lebih banyak usaha menampung kedatangan pelarian ke negara ini.

"Walaupun, Malaysia bukan Negara Pihak kepada Konvensyen Status Pelarian 1951 atau Protokol Status Pelarian 1967, kami menyediakan bantuan kemanusiaan kepada pelarian etnik Rohingya dan pelarian lain dari Myanmar.

"Tetapi situasi ini tidak boleh berterusan selama-lamanya," tegasnya.

Muhyiddin menegaskan, Mala-



Muhyiddin menyampaikan ucapan pada Sidang Kemuncak ASEAN Ke-36 melalui persidangan video di Bangunan Perdana Putra, semalam. (Foto BERNAMA)

aysia secara konsisten menyokong penyelesaian jangka panjang dan berkekalan terhadap penderitaan etnik Rohingya di wilayah Rakhine yang semakin mudah terdedah kepada eksploitasi termasuk jenayah rentas sempadan seperti penyeludupan, pemerdagangan manusia dan perhambaan.

"Penafian dan kekecewaan boleh mendorong mereka berpotensi direkrut kumpulan pengganas dan puak pelampau yang kekal berdiam diri ketika pandemik. Sikap diam diri tidak boleh dianggap sebagai tidak aktif kerana kumpulan berkenaan masih menimbulkan ancaman keselamatan yang serius kepada rantau ini," katanya.

Perdana Menteri juga berkata, ASEAN perlu mengamalkan pendekatan menyeluruh bagi memerangi dan membendung pergerakan orang yang tidak teratur untuk mencegah dan menghukum anggota sindiket pemerdagangan manusia yang mengeksploitasi mangsa pelarian.

Dalam perkembangan berasi-



ASEAN VIET NAM 2020

ngan, Muhyiddin turut menggesa komuniti antarabangsa, terutama Majlis Keselamatan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) agar mengutuk dan menolak rancangan pengambil alihan Israel terhadap bahagian Wilayah Palestin Yang Diduduki di Tebing Barat.

Perdana Menteri berkata, ko-

muniti antarabangsa hendaklah juga memastikan agar rancangan itu tidak akan dilaksanakan.

Katanya, Malaysia begitu prihatin terhadap nasib rakyat Palestin, yang berterusan berhadapan dengan keadaan ketidakstabilan di Asia Barat.

"Malaysia mengutuk sekeras-kerasnya dan menolak penguaman baru-baru ini oleh Israel untuk melaksanakan rancangan pengambil alihan bahagian Wilayah Palestin Yang Diduduki di Tebing Barat.

"Malaysia akan terus berdiri teguh dan bersatu padu dengan rakyat Palestin. Rancangan pengambilalihan itu semakin mengurangkan prospek penyelesaian dua negara yang disokong oleh komuniti antarabangsa.

"Tindakan haram dan sebelah pihak oleh Israel jelas mempertikai keikhlasannya terhadap penyelesaian keamanan dan damai terhadap konflik Israel-Palestin yang telah lama berlarutan," katanya.

BERNAMA